



**KENYATAAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KeTSA)**

**PROGRAM PERLINDUNGAN BIODIVERSITI DAN RONDAAN  
*BIODIVERSITY PROTECTION & PATROLLING PROGRAMME (BP3)*  
DENGAN KERJASAMA  
VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DAN ORANG ASLI  
(VetOA)**

16 JUN 2020

---

1. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) akan melaksanakan Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan *Biodiversity Protection & Patrolling Programme* (BP3). Program BP3 ini dijalankan bagi tujuan membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar oleh warga negara tempatan dan warga asing yang melibatkan sindiket terancang di dalam kawasan perlindungan Jabatan PERHILITAN serta Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang terlibat.
2. Usaha yang telah dilaksanakan oleh KeTSA dalam Program Perlindungan Biodiversiti dan Rondaan *Biodiversity Protection & Patrolling Programme* (BP3) menerusi penglibatan pelbagai agensi seperti Jabatan PERHILITAN dan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Veteran Angkatan Tentera Malaysia, Orang Asli dan gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi melindungi kawasan perlindungan ini adalah bagi memastikan khazanah biodiversiti Negara dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.
3. Program BP3 adalah melibatkan aktiviti rondaan penguatkuasaan di kawasan *hospot* bagi memastikan kawasan perlindungan yang terdapat di Semenanjung Malaysia yang terdiri daripada Taman Negara, Rizab Hidupan Liar, Taman Negeri, Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan Tapak RAMSAR ini selamat daripada menjadi sasaran pemburu haram hidupan liar, pembalak haram untuk mencuri sumber biodiversiti negara yang bernilai ini.

4. Disamping agensi kerajaan, penglibatan NGO dalam program BP3 seperti *Malaysian Conservation Alliance for Tiger* (MYCAT) yang terdiri daripada TRAFFIC Southeast Asia, Wildlife Conservation Society - Malaysia Programme (WCS), World Wildlife Fund Malaysia (WWF), Persatuan Pencinta Alam (MNS), Pertubuhan Pelindung Alam Malaysia (Pelindung) dan Persatuan Penyelidik Rimba Malaysia (RIMBA) mencerminkan usaha menjaga khazanah negara ini juga turut dibantu dan disokong oleh seluruh rakyat Malaysia.
5. Program BP3 ini juga adalah kesinambungan daripada Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) telah dilancarkan pada 3 September 2019 melibatkan kerjasama Jabatan PERHILITAN, Pasukan PGA Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Perbadanan Taman Negeri Perak (PTNP), Perbadanan Taman Negara Endau Rompin, Johor, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan beberapa NGO yang menjalankan operasi secara bersepadu untuk memerangi dan membanteras penjenayah hidupan liar.
6. Melalui program BP3 ini juga, salah satu strategi terbaru dalam meningkatkan strategi rondaan penguatkuasaan adalah melalui penglibatan Veteran ATM serta Orang Asli. Kepakaran oleh Veteran ATM dan Orang Asli di dalam hutan ini dijangka dapat meningkatkan lagi keberkesanan pengesanan kes-kes di kawasan *hotspot* pencerobohan, pemburuan haram, pembalakan termasuk operasi pembasmian jerat.
7. Program BP3 akan bermula secara rasminya pada **16 Jun 2020** dengan melibatkan **155 anggota** yang terdiri daripada **100 orang Veteran ATM dan 55 Orang Asli**.
8. Pihak KeTSA juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kepada Kementerian Kewangan Malaysia yang menyokong program BP3 dari segi bantuan peruntukan kewangan.

**KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI  
16 JUN 2020**